

SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN PAS BULANAN

1. Pemegang Pas Bulanan hendaklah mempamerkan pas yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Raub sahaja di bahagian cermin hadapan sebelah kiri. Kegagalan mematuhi ini, pemilik kenderaan akan dikenakan kompaun. **Sila lihat arahan peraturan pemasangan seperti di belakang pas.**
2. Pemegang pas bulanan hendaklah memastikan pas yang digunakan sah mengikut tempoh yang diluluskan. Masa penggunaannya dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.
3. Pemegang pas bulanan tidak dibenarkan sama sekali melakukan perkara-perkara berikut:
 - (i) Menggunakan pas yang tamat tempoh; dan
 - (ii) Mengubah catatan tempoh pada pas dengan apa cara sekalipun.
4. Pemegang pas bulanan boleh meletakkan kenderaan di mana-mana petak letak kereta **KECUALI** di petak letak kereta bermusim (sewa khas), petak Orang Kelainan Upaya, petak menurun dan menaikkan barang dan lain-lain petak yang telah dikhaskan untuk tujuan-tujuan tertentu.
5. Pemohon boleh mendapatkan kembali pas bulanan yang hilang dengan caj bayaran RM 50.00.
6. Majlis hanya akan menggantikan pas bulanan sekiranya terdapat kerosakan yang munasabah terhadap pas tersebut. (Bukti hendaklah dikemukakan).
7. Majlis boleh mengeluarkan syarat-syarat tambahan dari masa ke semasa.

JADUAL

TEMPOH PAS	HARGA ASAL (RM)	DISKAUN (%)	HARGA JUALAN (RM)
1 BULAN	50.00	Tiada	50.00
2 BULAN	100.00	Tiada	100.00
3 BULAN	150.00	5	142.50
4 BULAN	200.00	5	190.00
5 BULAN	250.00	5	237.50
6 BULAN	300.00	10	270.00
7 BULAN	350.00	10	315.00
8 BULAN	400.00	10	360.00
9 BULAN	450.00	15	382.50
10 BULAN	500.00	15	425.00
11 BULAN	550.00	15	467.50
12 BULAN	600.00	20	480.00